

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN SIVAKUMAR A/L VARATHARAJU  
NAIDU (BATU GAJAH)**

**SOALAN : 435**

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [ Batu Gajah ] minta MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada MyEG mempunyai hak eksklusif untuk melanjutkan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) kepada pekerja asing dan mengapakah lanjutan PLKS harus melalui MyEG sahaja. Adakah hak monopoli ini akan diteruskan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembaharuan atau lanjutan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) telah dilaksanakan sepenuhnya secara atas talian (*online*) mulai 1 April 2015 menerusi perkhidmatan MyEG Services Sdn Bhd. Pelaksanaan ini adalah susulan daripada keputusan Jemaah Menteri bertarikh 28 Mei 2014 yang telah bersetuju supaya Perjanjian Projek e-Khidmat dilanjutkan selama lima (5) tahun mulai 23 Mei 2015 sehingga 22 Mei 2020.

Perkhidmatan Lanjutan PLKS ini bagi Sektor Pembantu Rumah dan sektor-sektor merangkumi sektor pengilangan, pembinaan, perkhidmatan, pertanian dan perladangan secara atas talian dengan kos RM35 per transaksi x 2.3 juta (anggaran) PLKS setahun oleh Syarikat MyEG Services Bhd.

Bagi perkhidmatan pembaharuan atau lanjutan PLKS secara atas talian tersebut, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) berperanan dalam menentukan syarat-syarat yang ditetapkan bagi proses lanjutan PLKS. Setiap permohonan lanjutan yang telah disemak kelayakannya melalui sistem oleh MyEG akan dimajukan ke Pejabat Imigresen Negeri bagi

mendapatkan kelulusan oleh JIM untuk mewujudkan elemen kawalan dan pemantauan di pihak JIM.

Skop perjanjian dengan MyEG adalah seperti berikut :

- i. Lanjutan PLKS bagi Sektor Pembantu Rumah dan lain-lain sektor merangkumi Sektor Perkilangan, Pembinaan, Perkhidmatan, Pertanian dan Peladangan secara *online*;
- ii. Cetakan PLKS;
- iii. Penghantaran PLKS ke alamat pemohon;
- iv. Mengutip dan menerima bayaran daripada Pengguna;
- v. Meremitkan bayaran kepada Kerajaan; dan
- vi. Menyelesaikan sebarang pertikaian berkaitan transaksi pembayaran.

Sistem MyEG adalah termasuk dalam sistem e-Khidmat yang kini di bawah kajian semula oleh MAMPU dan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi. Sehingga kini, beberapa siri mesyuarat dan perbincangan telah diadakan yang turut melibatkan Kementerian Dalam Negeri serta Jabatan Imigresen Malaysia.